

## MSM peroleh kontrak RM290 juta bekalan gula bertapis untuk Coca-Cola

Dagang News  
Januari 8, 2022 08:30 MYT



MSM memperoleh kontrak bekalan gula bertapis bernilai RM290 juta dengan The Coca-Cola Company untuk pengeluaran domestik dan antarabangsa. -Dagang News

**KUALA LUMPUR:** MSM Malaysia Holdings Bhd (MSM) melalui anak syarikat milik penuhnya, MSM Prai Berhad (MSM Prai) memperoleh kontrak bekalan gula bertapis bernilai RM290 juta dengan The Coca-Cola Company untuk pengeluaran domestik dan antarabangsa.

Kontrak tersebut secara tidak langsung mengukuhkan kedudukannya sebagai pengeluar gula bertapis terkemuka dan pilihan Malaysia di Asia Pasifik.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Syed Feizal Syed Mohammad berkata, walaupun MSM telah memperoleh kontrak bekalan jualan berjangka dengan pelbagai pemain utama industri Barang Pengguna Cepat Laris (FMCG) tempatan dan di rantau ini, peluang menjadi sebahagian daripada rantaian bekalan Coca-Cola, adalah sebahagian daripada rangka tindakan eksport MSM sebagai syarikat 8 teratas penapis gula bersepadu global.

"Pencapaian ini merupakan rangsangan tambahan kepada kumpulan setelah berjaya mencapai pemulihan pada 2021 dan mempercepatkan pengembangan MSM ke pasaran yang lebih luas di seluruh rantau ini.

"Paling utama, memandangkan kami telah menyatakan komitmen untuk mempergiatkan rangka kerja Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG), sebagai permulaan MSM akan menyediakan bekalan gula mentah lestari untuk pasaran domestik Coca-Cola," katanya dalam kenyataan pada Jumaat.

Secara dasarnya, MSM telah bekerjasama dengan Coca-Cola di dalam negara selama lebih daripada 10 tahun.

Untuk kontrak dua tahun dengan Coca-Cola Bottlers (Malaysia) Sdn Bhd ini, MSM akan membekalkan bekalan gula bertapis untuk 2022 dan 2023 sebanyak 148,000 tan bagi pengeluaran domestik dan antarabangsa.

Kontrak itu juga terpakai untuk eksport yang bermula pada Disember 2021, di mana bekalan gula bertapis akan dihantar ke destinasi antarabangsa yang berbeza di mana Coca-Cola mempunyai kehadiran yang kukuh.

Kumpulan MSM menawarkan kepelbagaian produk gula berkualiti tinggi yang dipasarkan dan dijual dalam pelbagai bungkusan serta gred.

MSM Prai mengendalikan kilang penapisan gula Prai di Pulau Pinang. Terletak di pantai barat laut Semenanjung Malaysia, kemudahan itu merupakan kilang penapisan gula terbesar di negara ini dengan kapasiti pengeluaran tahunan sebanyak 1.05 juta tan gula bertapis.

Sementara itu, MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd, yang terletak di lokasi strategik di Pelabuhan Tanjung Langsat, Johor dengan kapasiti pengeluaran tahunan sebanyak 1 juta tan gula bertapis, dijangka meningkatkan pengeluarannya pada 2022.

Syed Faizal berkata, kumpulan mematuhi kawalan kualiti dan prosedur operasi standard yang ketat dan kilang penapisannya sentiasa diaudit untuk mengekalkan standard keselamatan dan kualiti makanan yang tertinggi.

MSM mampu menghasilkan gula dengan spesifikasi Coca-Cola yang turut merangkumi Standard Pensijilan Halal JAKIM Malaysia, MS1500:2009, Sistem Pensijilan Keselamatan Makanan (FSSC 22000 – Pembuatan), sistem Analisis Bahaya dan Titik Kawalan Kritikal (HACCP) dan Amalan Perkilangan Baik (GMP) serta lain-lain pensijilan kualiti yang relevan kepada industri.

Selain itu, Kumpulan MSM menawarkan kepelbagaian produk gula berkualiti tinggi yang dipasarkan dan dijual dalam pelbagai bungkusan serta gred untuk memenuhi keperluan pasaran domestik dan eksport.

Keupayaan MSM untuk menghasilkan gula bertapis berdasarkan spesifikasi International Commission for Uniform Methods of Sugar Analysis (ICUMSA) 25 bagi gula bertapis kualiti premium global telah menjadi kekuatan kepada Gula Prai menjadi pilihan dalam industri pengeluaran FMCG.

\*Berita asal di [DagangNews.com](#)

**Media: Astro Awani**

**Link:** <https://www.astroawani.com/berita-bisnes/msm-peroleh-kontrak-rm290-juta-bekal-gula-bertapis-untuk-cocacola-340489>